

**DIALOG BORNEO- KALIMANTAN KE- 12**  
**INSTITUT AMINUDDIN BAKI (IAB) CAWANGAN SARAWAK**  
**4 – 6 Jun 2015**

---

**KEARIFAN TEMPATAN DALAM ADAT PERKAHWINAN SUKU KAUM BRUNEI DI SABAH**

Oleh: **Hjh. Asmiah Hj. Ajamain**

**PENDAHULUAN**

Setiap masyarakat mempunyai kearifan dan keahlian masing-masing, terutamanya dalam bidang yang bersangkutan dengan kehidupan masyarakat setempat. Kearifan itu ada yang diwariskan kepada generasi penerus, namun ada juga yang terkubur akibat modernisasi dan kurangnya minat generasi muda untuk meneruskannya. Masyarakat Brunei di Sabah juga mengalami nasib yang sama kerana kebanyakan kearifan tempatan hanya dimiliki oleh generasi sudah berumur. Maka, jika fenomena ini berterusan, pastinya akan merugikan masyarakat, kerana kearifan generasi tua dalam suatu bidang tiada tolok bandingnya. Salah satu kearifan tempatan yang terdapat dalam kalangan masyarakat Brunei di Sabah ialah warisan adat perkahwinan yang tampaknya semakin terpinggir lantaran ketidakmampuan generasi muda mewarisinya. Makalah ini akan meneroka perihal kearifan tempatan dalam adat perkahwinan suku kaum Brunei di Sabah yang ada antaranya tidak lagi diamalkan pada masa kini. Penelitian ini merupakan usaha awal penulis untuk mencari kearifan tempatan dalam adat perkahwinan suku kaum ini. Pada bahagian awal makalah ini, penulis akan menjejaki latar belakang etnik Brunei, menghuraikan makna kearifan tempatan yang kemudiannya disusuli dengan tinjauan berhubung dengan adat perkahwinan suku kaum Brunei di Sabah, dan dalam masa yang sama mengaitkannya dengan kearifan tempatan.

**LATAR BELAKANG ETNIK BRUNEI**

Etnik Brunei adalah salah satu kaum minoriti di Sabah disebabkan etnik ini hanya tertumpu di beberapa bahagian kecil di Sabah. Suku kaum ini banyak terdapat di Wilayah Persekutuan Labuan, Membakut, Beaufort, Negara Brunei Darussalam dan terdapat juga di Lawas dan Limbang Sarawak. Mengikut bancian pada tahun 1991, terdapat kira- kira 123,810 orang Brunei di Sabah. Jumlah ini merupakan 6.64% daripada jumlah keseluruhan penduduk di Sabah.

Asal usul etnik ini di Sabah sangat berkait rapat dengan sejarah Kesultanan Brunei. Menghimbau sejarah sebelum kedatangan penjajah British di Sabah, Sabah merupakan salah satu jajahan takluk Kesultanan Brunei. Oleh sebab itulah terdapatnya etnik Brunei di Sabah. Pada 11 Ogos 1865 Sabah mula terpisah daripada Kesultanan Brunei apabila konsul Amerika, Charles I. Moses menubuhkan 'American Trading Company' di Ellena (Kimanis), Sabah. Kemudiannya diikuti lagi dengan penjajahan British, Jepun, British Colony dan akhirnya sehinggalah penyertaan Sabah dalam membentuk Malaysia pada tahun 1963.

Etnik Brunei mempunyai sejarah yang tersendiri mengenai asal usul nama 'Brunei'. Berdasarkan catatan tradisi lisan yang diperolehi daripada Syair Awang Semaun, perkataan 'Brunei' berasal daripada perkataan 'baru nah'. Mengikut ceritanya, rombongan klan atau Sakai yang dipimpin Pateh Berbai pergi ke Sungai Brunei untuk mencari tempat mendirikan negeri baharu. Setelah mendapati kawasan itu berkedudukan strategik (diapit oleh bukit, air, mudah untuk dikenali, memudahkan pengangkutan, dan kaya ikan), maka mereka pun mengucapkan perkataan 'baru nah' yang bererti tempat itu sangat baik dan berkenan di hati mereka. Perkataan 'baru nah' itu lama kelamaannya berubah menjadi Brunei.

#### **DEFINISI KEARIFAN TEMPATAN**

Kearifan tempatan dapat ditafsirkan sebagai penyesuaian atau adaptasi sesuatu komuniti yang berasal daripada pengalaman hidup yang diwarisi daripada generasi ke generasi. Kearifan tempatan ini dapat dikaitkan sebagai pengetahuan setempat yang digunakan oleh masyarakat setempat untuk bertahan hidup dalam suatu lingkungannya yang bersatu dalam sistem kepercayaan, norma, budaya dan dinyatakan atau diekspresikan dalam tradisi dan mitos yang di anut dalam jangka waktu yang lama.

Dalam pengertian kamus, kearifan tempatan (*local wisdom*) terdiri daripada dua patah kata: kearifan (*wisdom*) dan tempatan (*local*). Dalam Kamus Inggris Indonesia John M. Echols dan Hassan Syadily, *local* bererti setempat, sedangkan *wisdom* (kearifan) sama dengan kebijaksanaan. Secara umum maka *local wisdom* (kearifan setempat) dapat difahami sebagai gagasan-gagasan setempat (*local*) yang bersifat bijaksana, penuh kearifan, bernilai baik, yang tertanam dan diikuti oleh anggota masyarakatnya. Kearifan tempatan terbentuk sebagai keunggulan budaya masyarakat setempat mahupun kondisi geografis dalam erti luas. Kearifan tempatan merupakan produk budaya masa lalu yang patut secara terus-menerus dijadikan pegangan hidup.

## **DITANDAI**

Adat perkahwinan merupakan salah satu istiadat yang paling bererti dalam kalangan suku kaum Brunei. Istiadat perkahwinan pada mereka mempunyai nilai-nilai yang amat sentimental. Pada masa dahulu, memang sudah menjadi lumrah bagi suku kaum Brunei untuk mengatur terlebih dahulu pasangan anak-anak mereka. Biasanya ibu bapa kedua-dua belah pihak akan memadankan pasangan teruna dan dara. Urusan seumpama ini yang disebut dalam bahasa Brunei sebagai ***ditandai*** akan dilaksanakan sama ada sewaktu anak-anak mereka masih di dalam kandungan atau masa kanak-kanak lagi. Ada juga yang memilih sendiri pasangannya, namun bilangannya agak kecil.

## **MEMINANG ATAU BERJARUM-JARUM**

Peringkat kedua dalam adat istiadat perkahwinan suku kaum Brunei ialah merisik-risik sama ada si dara yang dihajati itu sudah mempunyai atau tidak. Biasanya ibu bapa akan menyuruh orang lain untuk merisik-risik. Sekiranya masih belum mempunyai, maka barulah ibu bapa si lelaki menghantar rombongan meminang atau dalam bahasa Brunei disebut sebagai ***berjarum-jarum***. Lazimnya rombongan terdiri daripada tiga hingga empat orang. Ketua rombongan akan bermadah-madah dan berpantun semasa peminangan dilakukan. Antara madah yang digunakan, ialah *“Adapun hajat kami ani ke mari disuruh para mama dan bapa laki-laki akan mahutah turut menungkat gelagar yang patah, membaiki tangga yang buruk, atap yang bubus.”* Maksudnya adapun kedatangan kami ini sebagai wakil ibu bapa si ...(disebut nama lelaki) untuk meminang bunga di jambangan. Maksud yang tersirat dalam *turut menungkat gelagar yang patah, membaiki tangga yang buruk, atap yang bubus* adalah untuk menjadi keluarga dan mengikat tali pertunangan.

Sekiranya si gadis belum disunting, maka dinyatakanlah kerelaan untuk menerima tawaran pihak lelaki tadi. Namun jika sudah mempunyai, maka dikatakanlah oleh wakil pihak perempuan, *gelagar sudah ditungkat, tangga sudah dibaiki, atap sudah ditambal*. Jika belum disunting, namun pada fikiran ibu bapa si dara, anaknya masih belum sampai waktunya untuk bersuami, pinangan akan ditolak secara santun dengan bahasa yang halus, *gelagar masih kukuh, tangga masih baik, atap pun masih baik*.

## **ISTIADAT BERSURUH – MENGHANTAR TANDA PERTUNANGAN**

Lazimnya selepas seminggu atau dua acara ***berjarum-jarum*** dilaksanakan, pertanyaan akan disusul semula. Pihak wakil lelaki akan datang lagi ke rumah pihak perempuan untuk menghantar tanda pertunangan. Istiadat ini dikenali sebagai ***istiadat bersuruh***. Sekiranya jelas pinangan diterima, maka pihak lelaki akan

memberikan sebetuk cincin tanda jadi atau disebut juga sebagai **pembuka mulut**. Lazimnya, selain cincin sebetuk, diberikan juga wang antara RM20.00 – RM30.00.

### UPACARA MENGHANTAR MAS KAHWIN ATAU BERIAN

Selepas pertunangan rasmi sudah, maka disusuli pula dengan upacara menghantar mas kahwin atau **berian** yang biasanya dibahagikan kepada beberapa upacara kecil, iaitu:

1. Pembuka mulut;
2. Tanda bertunang – sebetuk cincin dan sepersalinan kain baju **sepengadak** atau sepasang;
3. Belanja dapur sama juga dengan belanja hangus khusus untuk membeli peralatan atau perkakas perkahwinan;
4. Mas kahwin;
5. Seekor kerbau (kadangkala dua ekor) yang disebut juga sebagai **lunau** untuk disembelih dan dihidangkan semasa majlis perkahwinan;
6. Katil dan perkakasnya, seperti kelambu, bantal, tilam, dan perhiasannya;
7. Bunga Lapik Pinang (kain putih yang akan dihamparkan di atas katil pengantin);
8. Melangkah dulang (sama dengan melangkah bendul dalam tradisi Melayu di Semenanjung), iaitu pemberian **segangsa** kain baju atau digantikan wang ringgit kepada kakak bakal pengantin perempuan yang belum berkahwin.

Semasa menghantar **berian** ini juga ditetapkan tempoh masa pertunangan, dan tarikh majlis perkahwinan, atau disebut juga sebagai **berselesai**.

### MEMUCANG-MUCANG

Menjelang hari perkahwinan, persiapan akan bermula. Antara persiapan yang dilakukan, ialah menyiapkan pakaian pengantin, pelamin, kuih-muih, bangsal, dan keperluan-keperluan lain. Sebulan sebelum menjelangnya hari persandingan, rumah kedua-dua bakal pengantin ini kelihatan mulai sibuk. Bagi kaum lelaki, mereka akan merancang dan bermesyuarat bagi menetapkan kerja **memucang** dan membaiki rumah, mengganti tiang-tiang yang patah, menambah tiang-tiang sokongan, mengganti lantai-lantai yang **mumut**, membina pantaran dan menungkat tangga usang.

Manakala seminggu sebelum hari perkahwinan berlangsung, **memucang** atau gotong-royong sekali lagi akan diadakan bagi penyediaan balairong sebagai tempat jamuan para jemputan, sulap kawah serta

pantaran tempat mencuci dan mentuskan pinggan dan gelas. Selain itu, terdapat juga upacara **memucang** yang diadakan bertujuan mengambil daun silat di dalam hutan untuk dijadikan sebagai pembungkus **kelupis**. Ini akan dihadiri oleh orang-orang tua yang berpengalaman dan tahu tentang selok-belok hutan.

Bagi kaum wanitanya pula, mereka akan membantu dalam persiapan yang ringan seperti penyediaan kuih tradisional serta makanan untuk menjamu mereka yang hadir dalam kerja **memucang** ini. Dalam penyediaan kueh tradisional, kuih seperti kuih bahulu, kuih jala, kuih cacah, kuih sapit serta makanan kering seperti kuripik ubi, meruku, kuih lidah dan sebagainya adalah untuk menjamu tetamu yang datang meramaikan rumah pengantin dan juga untuk dijadikan **campuran** semasa malam berbedak. Sungguhpun demikian, bakat dan kebolehan kaum wanita juga diperlukan dalam menghias bilik pengantin dan juga pelamin.

Kedua-dua pihak pengantin juga akan menyediakan alat-alat muzik tradisional, iaitu gong, kulintangan, canang, dan gendang. Permainan alat muzik tradisional ini disebut sebagai **bagual-gualan**. Lazimnya upacara perkahwinan dijalankan selama tiga hingga empat hari mengikut kemampuan keluarga kedua-dua belah pihak.

## **UPACARA PERKAHWINAN**

Upacara perkahwinan adalah seperti yang berikut:

1. Hari **mendadih**, iaitu memasak pulut yang dibungkus dengan daun palas atau disebut juga dalam bahasa Brunei sebagai daun **silat**;
2. Malam berinai dan berbedak;
3. Hari Perkahwinan;
4. Malam Persandingan;
5. Hari melawat ibu bapa pengantin lelaki.

Pada hari pertama, iaitu hari **mendadih**, undangan yang biasanya wanita akan berduyun-duyun datang ke rumah kedua-dua pihak pengantin lelaki dan perempuan. Mereka bergotong-royong untuk menyediakan **kalupis**, iaitu sejenis makanan yang dibuat daripada beras pulut. Kuih ini akan dihidangkan kepada para tetamu, dan untuk dibawa balik oleh tetamu sebagai **campuran**. **Campuran** ialah **Kalupis** dan beberapa jenis kuih tradisional lain yang dibungkus dan diberikan kepada tetamu.



Foto 1: Kelupis

Pada sebelah malam, diadakan upacara berinai dan berbedak. Biasanya tetamu akan tiba pada pukul 7.00 atau 8.00 malam. Setelah itu dimulakanlah majlis berzikir, rebana kemudiannya dipalu yang dalam bahasa Brunei disebut **berdikir**. Selanjutnya ialah **sarakal** (dinyanyikan), pengantin mula dibedaki (disapu dengan bedak yang dibuat daripada tepung beras). Lazimnya upacara ini dilakukan oleh orang-orang tua seramai 10 orang. Selain bedak daripada tepung beras, disediakan juga beras kunyit, **kelambigi** (minyak wangi), siri, pinang, dan bunga rampai. Barangan ini diletakkan di dalam sejenis bekas berbentuk bulat yang diperbuat daripada tembaga, yang disebut sebagai **bintang**. Selepas upacara berbedak, pengantin akan diinai atau dalam bahasa Brunei disebut **dipacari** jari tangan dan kaki.

Pada hari perkahwinan, pihak pengantin perempuan akan pergi kepada pihak lelaki (biasanya 7 orang, iaitu 3 lelaki, 4 wanita) untuk meminta **bunga lapik pinang**, iaitu kain putih. Di sini juga bahasa yang indah seperti pantun digunakan. Pihak pengantin lelaki akan menghantar **bunga lapik pinang** kepada pihak perempuan.

Pada sebelah tengah hari, upacara **baalis** (membentuk kening) diadakan. Upacara ini diiringi dengan **gual-gualan**. Selalunya irama sedih, diiringi dengan hadrah atau **berdikir**. Menyentuh soal muzik tradisional ini, biasanya lagu yang dimainkan dapat membayangkan suasana. Misalnya masa **baalis** dimainkan lagu **gual tidung**, iramanya berentak perlahan. Masa bersanding dimainkan lagu **gual banar** yang iramanya cepat seolah-olah berlari-lari. **Gual-gualan** merupakan salah satu bentuk kearifan tempatan yang masih berkembang mekar dan masih dilestarikan hingga kini dalam kalangan suku kaum Brunei semasa istiadat perkahwinan .

Upacara pengantin mandi akan diiringi juga dengan **berdikir** dan **gual-gualan**. Semasa upacara mandi, pengantin akan duduk di atas seketul batu. Beliau dikelilingi oleh empat orang kanak-kanak perempuan yang memegang payung yang dikembangkan. Mereka juga memegang lilin yang dinyalakan. Pengantin dimandikan dengan sejenis bahan yang dipanggil langir (diperbuat daripada kayu langir yang dicampurkan dengan air). Orang-orang tua dulu percaya bahawa kalau air langir itu berbuih banyak, bererti si pengantin masih suci atau masih dara, tetapi kalau tidak berbuih bererti si pengantin sudah tidak suci lagi, bak kata pepatah piasau sudah ditebuk gasing.

Selepas mandi, pengantin akan disuruh mengulum air langir dan menghembuskannya untuk mematikan lilin yang bernyala. Kononnya, jika semua lilin itu masih bernyala lagi, bererti hidupnya berumah tangga tidak berpanjangan. Jika sebaliknya pula, rumah tangganya akan berpanjangan.

Pengantin lelaki yang telah didandan akan datang ke rumah pengantin perempuan untuk upacara akad nikah. Pengantin lelaki akan **ditunda** dengan sapu tangan oleh seorang yang sudah berumur. Rombongan pengantin akan diiringi oleh pasukan hadrah. Perhiasan yang dibawa ialah bunga yang diperbuat daripada kertas berwarna. Perhiasan ini dipanggil **bunga puan**. Perhiasan ini akan dibawa di hadapan pengantin. Di samping **bunga puan**, lilin yang sudah dinyalakan juga dibawa sama. Pengantin lelaki juga akan membawa pakaiannya yang biasanya disimpan di dalam bekas tembaga yang dipanggil **bintang**.



Foto 2: Alat daripada tembaga yang dipanggil sebagai bintang

Ketibaan rombongan pengantin lelaki akan disambut dengan *berdikir* serta *gual-gualan* daripada pihak pengantin perempuan. Di halaman rumah pengantin perempuan, pengantin lelaki akan dibawa berpusing sebanyak tiga kali, upacara ini disebut *bapasar naga*. Barangan yang dibawa seperti lilin dan *bunga puan* akan dibawa masuk mendahului pengantin dengan taburan beras kunyit di muka pintu. Pengantin lelaki akan dibawa ke pelamin. Ada waktunya, walaupun pengantin lelaki sudah dibawa masuk, beliau masih belum dapat melihat wajah pengantin perempuan. Pelamin selalunya ditutup dengan langsir. Selain itu, wajah pengantin perempuan juga ditutup dengan kipas tangan. Pihak pengantin lelaki terpaksa mengeluarkan wang untuk membuka tabir. Upacara ini dikenali sebagai *buka tabir*. Setelah tabir dibuka, terpaksa pula memberikan wang kepada mak andam untuk membuka kipas tangan yang menutup wajah pengantin perempuan. Kemudian, pengantin lelaki disuruh untuk meletakkan tangannya di dahi pengantin perempuan sebanyak tiga kali. Upacara ini disebut *menapak tiga kali*. Selepas itu, pengantin lelaki akan disuruh duduk di sebelah kanan pengantin perempuan. Kemudian selawat sebanyak tiga kali akan dilafazkan oleh orang yang ditugaskan menunda pengantin dengan sapu tangan. Doa dibacakan agar pengantin selamat dan kekal jodoh mereka sepanjang hayat.





Foto 3: Gual-gualan



Foto 4: Kulintangan

Selesai saja upacara persandingan, pengantin perempuan akan dibawa ke atas anjung atau para-para. Pengantin lelaki disuruh berehat bersama-sama rakan-rakannya berhampiran pelamin. Pada sebelah malamnya pula diadakan sekali lagi upacara persandingan yang dipanggil sebagai **beambil-ambilan**. Dalam upacara ini, pengantin lelaki akan datang ke anjung untuk menjemput pengantin perempuan. Upacara persandingan ini adalah untuk para undangan daripada pihak lelaki dan sanak saudara mereka. Selepas persandingan, pengantin lelaki akan menghantar pengantin perempuan ke anjung semula. Kemudian pengantin lelaki akan kembali ke katil yang sudah dihias indah berhampiran pelamin.



Foto 5: Pengantin Suku Kaum Brunei

Pada malam hari perkahwinan, kedua-dua pengantin tidak dibenarkan untuk tidur hingga siang hari. Mengikut kepercayaan orang-orang Brunei, sesiapa yang tidur dulu, kononnya dialah yang meninggal dunia dulu. Untuk menghilangkan mengantuk, maka diadakanlah upacara **badondang** yakni berbalas pantun yang dengan jelas memperlihatkan kebijaksanaan dan kecerdikan suku kaum Brunei berbalas-balas atau berjual beli pantun secara spontan. Pantun menjadi salah satu jenis kearifan tempatan berbentuk puisi tradisional yang masih cuba ditampilkan oleh suku kaum Brunei dalam istiadat perkahwinan mereka. Selain itu, pengantin juga tidak dibenarkan keluar dari rumah selama tiga hari. Pada hari ketiganya diadakan pula upacara **mandi limau-limauan**. Dalam masa tiga hari itu pengantin perempuan yang masih di atas anjung, selalunya akan diangkat oleh pengantin lelaki, ada kalanya dicuri semasa enak tidur untuk bersama dengannya, dan hidup sebagai suami isteri.

Akhir istiadat ialah upacara **mulih tiga hari**, Pada subuh hari keempat, si isteri duduk di pangkuan suaminya, dimandikan dengan dikelilingi oleh empat orang kanak-kanak perempuan memegang lilin. Wakil keluarga lelaki akan datang ke rumah keluarga pihak perempuan. Pada ketika inilah gangsa berisi bunga lapik pinang dihulurkan oleh keluarga perempuan kepada keluarga lelaki untuk bukti yang isterinya masih lagi dara ketika dikahwini. Walau bagaimanapun, adat ini tidak dipraktikkan lagi pada masa kini. Biasanya pada hari yang keempat (ada juga yang melaksanakannya pada hari yang kelapan), kedua-dua pengantin akan bersiap untuk menemui ibu bapa pengantin lelaki. Mereka akan diiringi oleh sanak saudaranya. Semasa kunjungan itu, mertua pengantin perempuan akan menghadiahkan menantunya dengan cincin/kalung/gelang emas. Mereka juga membekali atau dalam bahasa Brunei disebut **membatai** kedua-dua pengantin dengan barang-barang kegunaan di dapur.

## **PENUTUP**

Meneliti setiap upacara yang dilakukan dalam adat istiadat perkahwinan suku kaum Brunei ini jelas menunjukkan bahawa kebijaksanaan kaum ini terserlah dalam menangani setiap upacara, bermula dari menandai hinggalah selesai majlisnya. Kearifan golongan orang tua-tua yang menjadi ketua dalam istiadat ini terserlah menerusi susun atur bicara mereka yang penuh dengan sopan santun. Pasti menjadi harapan kita agar adat istiadat perkahwinan yang jelas menunjukkan wujudnya kearifan tempatan ini tidak lupus lantaran budaya yang berubah akibat perkembangan zaman. Pasti kebanyakan kita sadar bahawa sebenarnya kita sendiri amat sukar untuk mengelakkan diri daripada terlibat sama terpengaruh dengan perubahan yang berlaku. Arus perkembangan zaman yang pesat membuat masyarakat tidak menyedari

bahawa mereka ikut berubah sesuai dengan perkembangan zaman. Namun walaupun banyak yang terbawa arus perubahan budaya, namun pastinya tidak dapat dinafikan bahawa masih ada masyarakat yang berusaha melestarikan dan mengembangkannya. Istiadat perkahwinan seperti yang dihuraikan dalam makalah ini kebanyakannya masih diamalkan oleh suku kaum Brunei. Diharapkan dalam gelombang globalisasi ini warisan budaya ini akan tetap disemarakkan agar terus unggul, dihayati dan dihargai.

## **BIBLIOGRAFI**

Abang Patdeli Abang Muhi, 2013. "Mencari Kearifan Lokal dalam Cerpen-cerpen Terpilih Penulis Sarawak dan Kalimantan Timur". Kertas Kerja dalam Dialog Borneo – Kalimantan XI. Wilayah Persekutuan Labuan, 27 -29 Jun 2103.

A. Aziz Deraman. *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia* Edisi Baharu. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.2001.

## **PAUTAN**

Ketut Gobyah, 17/09/2003, "*Berpijak pada Kearifan Lokal*" dalam [http://www. balipos.co.id](http://www.balipos.co.id), dimuat turun pada 25/05/ 2015.

Ainin Sofiyah, 05/03/2011, "*Latar Belakang Etnik Brunei*" dalam [kopidangula.blogspot.com/2011/03/](http://kopidangula.blogspot.com/2011/03/) .html, dimuat turun pada 27/05/2015

[pimpingsocietyrevelation.blogspot.com/...belakang-etnik-brunei.html](http://pimpingsocietyrevelation.blogspot.com/...belakang-etnik-brunei.html) 13/4/2009 "*Adat Perkahwinan – Kg. Pimping, Membakut*", dimuat turun pada 27/05/2015.